



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENILAIAN TAHAP REAKSI PELAJAR TERHADAP PROGRAM
PENDIDIKAN LUAR DAN HUBUNGANNYA DENGAN
PENGETAHUAN, SIKAP DAN KEMAHIRAN***

SHAMSULARIFFIN SAMSUDIN

FPP 2015 13

**PENILAIAN TAHAP REAKSI PELAJAR TERHADAP PROGRAM
PENDIDIKAN LUAR DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGETAHUAN,
SIKAP DAN KEMAHIRAN**

SHAMSULARIFFIN SAMSUDIN

MASTER SAINS

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

2015



**PENILAIAN TAHAP REAKSI PELAJAR TERHADAP PROGRAM
PENDIDIKAN LUAR DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGETAHUAN,
SIKAP DAN KEMAHIRAN**

Oleh

SHAMSULARIFFIN SAMSUDIN

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan Ijazah Master Sains**

Mei 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDEKASI

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI PENGASIHANI
SELAWAT DAN SALAM KEPADA JUNJUNGAN NABI MUHAMMAD S.A.W

Saya tujukan dedikasi teristimewa buat ayahanda dan bonda yang dikasihi, SAMSUDIN OTHMAN dan JUHARIYAH MUHAMMAD. Mengenang perit jerihmu dalam meredah kepayahan dan menyusun langkah serta ketabahan kalian dalam mendidik ku. Akhirnya anakmu berjaya mengharungi segala dugaan dan cabaran bagi mengantar langkah kehidupan yang lebih sempurna sepanjang hidup ini. Jasamu itu melahirkan rasa insaf terhadapku. Aku sungguh bertuah kerana memilikimu berdua.

Saya tujukan dedikasi ini buat isteri yang tersayang NURUL FARRAH DIBA yang banyak bersabar dan berkorban demi suami mu. Buat adinda-adinda yang dihormati, semangat kalian semua telah memberikan dorongan terhadapku dalam menempuh hidup yang kian mencabar. Ribuan terima kasih dan aku akan tetap mengingati jasa dan budi kalian semua.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENILAIAN TAHAP REAKSI PELAJAR TERHADAP PROGRAM
PENDIDIKAN LUAR DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGETAHUAN,
SIKAP DAN KEMAHIRAN**

Oleh

SHAMSULARIFFIN SAMSUDIN

MEI 2015

Pengerusi: Borhannudin Abdullah, PhD

Fakulti: Pengajian Pendidikan

Tujuan: kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan di antara reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar dengan pengetahuan, sikap dan kemahiran diperoleh selepas program. Di samping itu, kajian ini juga dijalankan untuk menentukan perbezaan terhadap pengetahuan, sikap dan kemahiran pelajar sebelum dan selepas program. **Kaedah:** reka bentuk kajian adalah kajian eksperimental yang melibatkan 250 responden (L=77, P=173) yang mengikuti Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah. Kajian ini menggunakan Model Penilaian Kirkpatrick 1994, sebagai model penilaian dan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian dengan menggunakan format *likert-scale*. Analisis yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis diskriptif, korelasi, ujian-t berpasangan dan MANCOVA bagi menghuraikan dapatan kajian. **Dapatan Kajian:** melalui analisis diskriptif menunjukkan tahap reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar yang dijalankan adalah pada tahap yang tinggi ($M=3.98$, $SP=0.35$). Bagi penganalisan pengetahuan, sikap dan kemahiran sebelum dan selepas program menunjukkan peningkatan selepas program; pengetahuan min 3.69 ($SP=0.38$) sebelum program dan min 4.05 ($SP=0.30$) selepas program; sikap min 3.65 ($SP=0.26$) sebelum program dan min 4.04 ($SP=0.28$) selepas program; kemahiran min 3.78 ($SP=0.22$) sebelum program dan min 4.04 ($SP=0.28$) selepas program. Terdapat hubungan signifikan di antara reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar dengan pengetahuan ($r=0.18$, $p=0.00$), sikap ($r=0.26$, $p=0.00$) dan kemahiran ($r=0.16$, $p=0.02$). Manakala terdapat perbezaan yang signifikan terhadap pengetahuan ($t = -11.5$, $p = 0.00$), sikap ($t = -15.5$, $p = 0.00$) dan kemahiran ($t = -10.9$, $p = 0.00$) sebelum dan selepas program dijalankan. Ujian Multivariate Wilks' Lambda telah menunjukkan terdapat kesan program Pendidikan Luar yang signifikan terhadap pembelajaran pengetahuan, sikap dan kemahiran selepas menamatkan program dengan $[[F(4,246) = 259.81$; $p<0.001$, $eta\ squared = 0.68]$. Ujian MANCOVA yang dijalankan mendapati bahawa faktor jantina dan pengalaman mengikuti program lain bukanlah kovarian yang sesuai dan utama sebagai pembolehubah yang dapat menerangkan perbezaan penilaian yang dibuat keatas penilaian pembelajaran selepas program yang dijalankan. Namun, faktor

umur dan pengalaman kerja didapati merupakan faktor yang dapat menerangkan perbezaan penilaian yang dilakukan ke atas penialain pembelajaran selepas program Pendidikan Luar. **Perbincangan:** perancangan dan penyusunan terhadap keseluruhan program adalah dapat memenuhi kehendak pelajar. Pelajar juga cenderung untuk mempelajari dan berubah kepada sesuatu yang lebih baik dari segi pengetahuan, sikap dan kemahiran selepas program. Peningkatan terhadap pengetahuan, sikap dan kemahiran adalah sangat berkait dengan keberkesanan perancangan dan pengolahan sesuatu program.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master Science

EVALUATION OF STUDENTS' REACTION LEVEL TOWARDS OUTDOOR EDUCATION PROGRAM AND RELATIONSHIP WITH KNOWLADEGE, ATTITUDE AND SKILLS

By

SHAMSULARIFFIN SAMSUDIN

Mei 2015

Chair: Borhannudin Abdullah, PhD

Faculty: Educational Studies

Purpose: this study is conducted to identify the relationship between level of student's reaction towards Outdoor Education program with knowledge, attitude, and skills gain after the program. In addition, this study determined the differences of student's knowledge, attitude, and skills before and after the program. **Method:** This is a experimental study with involving 250 participant (M=77, F=173) who enroll in Undergraduate Program for Primary School Teachers. This study uses Kirkpatrick (1994) Evaluation Model as the model of evaluation and questionnaire as the research instruments with likert-scale format. Descriptive, Correlation, Paired T-Test and MANCOVA analysis are used to analyze research findings. **Findings:** descriptive analyses had shown that level of students' reaction towards Outdoor Education program was at a high level, M=3.98, (SD=0.35). Analysis for knowledge, attitude and skills before and after the program showed; mean for knowledge was 3.69 (SD=0.38) for before the program and 4.05 (SD=0.30) after the program, mean for attitude was 3.65 (SD=0.26) for before and 4.04 (SD=0.28) after the program, and mean for skills was 3.78 (SD=0.22) for before and 4.04 (SD=0.28) after the program. Results also showed that there were significant relationship between knowledge ($r = 0.18, p = 0.00$), attitude ($r = 0.26, p = 0.00$), and skills ($r = 0.16, p = 0.00$) with students reaction. The result of this study showed that there were significant differences of knowledge ($t = -11.5, p = 0.00$), attitude ($t = -15.5, p = 0.00$), and skills ($t = -10.9, p = 0.00$) before and after Outdoor Education program have been conducted. Multivariate tests Wilks' Lambda was revealed that there were significant Outdoor Education program towards learning the knowledge, attitudes and skills after completing the program [$F(4,246) = 259.81; p < 0.001, eta squared = 0.68$]. MANCOVA tests carried out revealed that gender and experience other program is not appropriate and covariance as the main variables that can be explain the differences in the assessment of learning after the program. However, age and work experience are the factors that can be explain the differences evaluation of learning after the Outdoor Education program. **Discussion:** arrangement and planning of overall program reaches students' needs. Students tend to learn and show positive changes in

term of their knowledge, attitude and skills after the program. Increases of knowledge, attitude and skills level highly related with effective planning and development of the program.



PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah, Lagi Maha mengasihani”. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyiapkan tugas penulisan ilmiah ini dengan sempurna.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada pensyarah penyelia, Dr. Borhanuddin Adullah dan Dr. Chee Chen Soon yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar sehinggalah kajian ini disempurnakan. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Dr. Fauzi Ayub yang telah banyak memberi pandangan beliau dalam penulisan ilmiah ini. Saya juga berterima kasih di atas kesabaran dan kesungguhan mereka semasa membimbing saya selama ini. sesungguhnya dorongan dan bimbingan yang mereka berikan amatlah berguna dan berharga.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Universiti Putra Malaysia, khususnya Fakulti Pengajian Pendidikan kerana memberi kebenaran menjalankan kajian dan tidak lupa para responden yang terlibat di dalam kajian ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sudi memberi bantuan dan pandangan.

Akhir sekali saya ucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini. Hanya Allah yang dapat membalas budi dan jasa baik kalian semua.

Saya mengesahkan bahawa satu jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 29 Mei 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Shamsulariffin bin Samsudin bagi nilai tesis beliau yang bertajuk “ Penilaian Tahap Reaksi Pelajar terhadap Program Pendidikan Luar dan Hubungannya dengan Pengetahuan, Sikap dan Keamahiran” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan seperti berikut:

Tengku Fadilah bt Tengku Kamalden, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Saidon bin Amri, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohd Salleh Aman, PhD

Profesor Madya
Universiti Melaya
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIM ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Date: 22 September 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains.
Ahli Jawatan Kuasa Penyelia adalah seperti berikut:

Borhannudin Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Chee Chan Soon, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan seumbarannya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama and No. Matrik: SHAMSULARIFFIN SAMSUDIN (GS 23488)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Borhannudin Abdullah, PhD

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Chee Chen Soon, PhD

JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK	Muka surat
ABSTRACT	i
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xv
	xvi

BAB

1	Pengenalan	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	2
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Objektif Kajian	4
1.4	Persoalan Kajian	5
1.5	Kepentingan Kajian	5
1.6	Batasan Kajian	6
1.7	Definisi Operasional	7
1.7.1	Penilaian	7
1.7.2	Reaksi	7
1.7.3	Pengetahuan	7
1.7.4	Sikap	7
1.7.5	Kemahiran	7
1.7.6	Peserta Program	7
1.8	Rumusan	8
2	Soroton Literatur	
2.0	Pendahuluan	9
2.1	Pendidikan Luar	9
2.2	Perkembangan Pendidikan Luar; Sistem Pendidikan Formal Malaysia	11
2.3	Pendekatan Pendidikan Luar	12
2.4	Objektif Pendidikan Luar	14
2.5	Fokus Aktiviti Pendidikan Luar	16
2.6	Ciri-Ciri Pendidikan Luar	18
2.7	Fasilitator Pendidikan Luar	19
2.8	Prinsip Pembelajaran Dewasa	20
2.9	Kajian Lampau Pendidikan Luar	21
2.10	Tahap Kualiti Program Pendidikan Luar	22
2.11	Penilaian Program Pendidikan Luar	23
2.12	Model Penilaian Kirkpatrick	25
2.13	Kerangka Konseptual Kajian	28
2.14	Kesimpulan	29

3	METODOLOGI KAJIAN	
3.0	Pendahuluan	30
3.1	Reka Bentuk Kajian	30
3.2	Populasi Kajian	31
3.3	Responden Kajian	32
3.4	Instrumen Kajian	32
3.5	Kesahan Instrumen dan Kebolehpercayaan	34
	3.5.1 Kesahan Instrumen	34
	3.5.2 Penterjemahan	35
	3.5.3 Kajian Rintis	35
3.6	Kajian Sebenar	37
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	38
3.8	Prosedur Penganalisan Data	38
	3.8.1 Analisis Deskriptif	39
	3.8.2 Analisis Infrensi	41
3.9	Kesimpulan	42
4	DAPATAN KAJIAN	
4.0	Pendahuluan	43
4.1	Latar Belakang Responden	43
4.2	Persoalan Kajian 1: Penilaian Tahap Reaksi Pelajar Terhadap Program Pendidikan Luar	44
4.3	Persoalan Kajian 2: Penilaian Tahap Pengetahuan Pelajar Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar	45
4.4	Persoalan Kajian 3: Penilaian Sikap Pelajar Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar	47
4.5	Persoalan Kajian 4: Penilaian Kemahiran Pelajar Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar	48
4.6	Persoalan Kajian 5: Hubungan Antara Tahap Reaksi Pelajar Terhadap Program Pendidikan Luar Dengan Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar	49
4.7	Persoalan Kajian 6: Perbezaan Yang Berlaku Terhadap Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar	50
	4.7.1 Analisis MANCOVA bagi Tahap Pembelajaran Berdasarkan Reaksi Pelajar Terhadap Program Pendidikan Luar dengan Mangawal Ujian Pra	52
	4.7.2 Analisis MANCOVA bagi Tahap Pembelajaran Berdasarkan Reaksi Pelajar Terhadap Program Pendidikan Luar dengan Mengawal Faktor Demografi	53
4.8	Kesimpulan	54

5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.0	Pendahuluan	56
5.1	Rumusan Kajian	56
5.1.1	Rumusan Persoalan Kajian	57
5.1.2	Rumusan Metodologi Kajian	57
5.1.3	Rumusan Dapatan Hasil Kajian	58
5.2	Perbincangan Hasil Dapatan Kajian	59
5.2.1	Reaksi Pelajar Terhadap Program Pendidikan Luar	59
5.2.2	Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Pelajar Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar	61
5.2.3	Hubungan Antara Reaksi Pelajar Terhadap Program Pendidikan Luar Dengan Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Pelajar	62
5.2.4	Perbezaan Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar bagi Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran	63
5.3	Kesimpulan	64
5.4	Implikasi	65
5.5	Cadangan	66
	RUJUKAN	67
	LAMPIRAN	74
	BIODATA PELAJAR	88
	SENARAI PENERBITAN	89

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
3.1	Populasi Pelajar Mengikut Program Dan Tahun Kemasukan	32
3.2	Soal Selidik Penilaian Reaksi Pelajar dan Pembelajaran Terhadap Program Pendidikan Luar	33
3.3	Kriteria Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Untuk Penerimaan	36
3.4	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Bagi Menentukan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	37
3.5	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Bagi Penilaian Reaksi Pelajar dan Pembelajaran Terhadap Program Pendidikan Luar	38
3.6	Ujian Statistik yang Digunakan bagi Menjawab Persoalan Kajian	39
3.7	Pengiraan Bagi Penentuan Kategori Setiap Item	40
3.8	Rumusan Bagi Min Purata	41
3.9	Nilai Pekali Korelasi 'r' dan Jenis Hubungan	41
4.1	Taburan Latar Belakang Responden (N=250)	44
4.2	Taburan Min Bagi Reaksi Pelajar Terhadap Program Pendidikan Luar (N=250)	45
4.3	Taburan Responden Terhadap Tahap Reaksi Bagi Keseluruhan Program Pendidikan Luar	45
4.4	Taburan Min Bagi Pengetahuan Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar (N=250)	46
4.5	Taburan Responden Terhadap Keseluruhan Pengetahuan Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar	46
4.6	Taburan Min Bagi Sikap Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar (N=250)	47
4.7	Taburan Responden Terhadap Keseluruhan Sikap Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar	48
4.8	Taburan Min Bagi Kemahiran Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar (N=250)	48
4.9	Taburan Responden Terhadap Keseluruhan Kemahiran Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar	49
4.10	Hubungan di antara Tahap Reaksi Pelajar Terhadap Program Pendidikan Luar dengan Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran	49
4.11	Hubungan di antara Item Tahap Reaksi Pelajar Terhadap Program Pendidikan Luar dengan Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran	50
4.12	Menentukan Perbezaan Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar	51
4.13	Menentukan Perbezaan Bagi Setiap Bahagian Pengetahuan, Sikap dan Kemahiran Sebelum dan Selepas Program Pendidikan Luar	52
4.14	Analisis MANCOVA Terhadap Pengaruh Penilaian	53

4.15	Pembelajaran Selepas Program Terhadap Penilaian Pembelajaran Selepas Program Pendidikan Luar Analisis MANCOVA Terhadap Pengaruh Umur, Pengalaman Kerja dan Pengalaman Program Lain Terhadap Penilaian Pembelajaran Selepas Program Pendidikan Luar	54
5.1	Rumusan Dapatan Kajian Berdasarkan Dapatan Kajian	58



SENARAI RAJAH

Jadual		Muka surat
2.1	Proses <i>Experiential Learning</i> (Beard & Wilson, 2002)	13
2.2	Objektif Program Pendidikan Luar	15
2.3	Fokus Aktiviti Pendidikan Luar (Bunting, 2006)	16
2.4	Model Fokus Pendidikan Luar, Gilbertson Et. Al (2006)	17
2.5	Ciri-Ciri Aktiviti Pendidikan Luar	18
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	29



SENARAI SINGKATAN

Singkatan

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
OBS	Outward Bound School
PPGSR	Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah



BAB I

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Guru yang berkualiti dan cemerlang adalah matlamat yang ditetapkan dan menjadi misi Bahagian Pendidikan Guru (BPG), dengan menerapkan penekanan kepada penguasaan pengetahuan dan kemahiran pedagogi serta nilai – nilai keguruan yang tinggi dalam latihan perguruan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2004). Penghasilan guru yang berkualiti merupakan asas dalam merealisasikan hasrat negara bagi memperoleh pendidik yang berkualiti dan mencapai falsafah pendidikan negara untuk melahirkan insan yang siimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Abu Bakar Bachik, 2002).

Bahagian Pendidikan Guru, telah menyediakan garis panduan dan sukatan pelajaran yang lengkap bagi setiap program latihan perguruan dan mata pelajaran yang diajar merangkumi tiga komponen yang diberikan pemberatan setera iaitu akademik, ko-kurikulum dan latihan mengajar. Segala hasrat, cita-cita dan misi BPG ini telah menjadi tanggungjawab kepada seluruh institusi pengajian pendidikan guru di negara dan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia merupakan salah satu fakulti yang melahirkan bakal guru yang berkualiti untuk disalurkan kepada seluruh sekolah menengah di negara ini.

Keberkesanan melaksanakan tugas yang diamanahkan dari segi pengajaran dan penyampaian, mendidik dan membimbing guru-guru sangat penting dan menyumbang kearah pencapaian segala objektif dan matlamat yang ditetapkan. Dalam menentukan keberkesanan sesuatu program, penilaian diperlukan sebagai satu kaedah untuk mengesan dan mendapatkan maklum balas sejauh mana objektif dan program yang dirancang berjaya atau proses pelaksanaannya berjalan lancar. Penilaian program penting kerana dilakukan untuk mengesan keberkesanan sesuatu program, mengetahui sejauh mana objektif dan matlamat dapat dicapai serta untuk melihat kekuatan dan kelemahan program bagi maksud penambahbaikan (Weiss, 2000).

Salah satu komponen akademik yang terkandung dalam sukatan pelajaran di Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM ialah Pendidikan Luar. Ia menjadi subjek wajib bagi pelajar Bachelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani) dan pelajar Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PPGSR). Pendidikan Luar bertujuan melatih pemimpin yang berpengetahuan dan kompeten dalam pelbagai kemahiran Pendidikan Luar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Sinopsis kursus Pendidikan Luar adalah meliputi sesi teori dan amali yang bertujuan untuk mengembangkan dan meningkatkan pengetahuan; kemahiran dan minat terhadap penglibatan dalam aktiviti luar; menggalakkan penggunaan persekitaran luar untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran; membina kecergasan fizikal, mental, emosi dan sosial.

Kursus ini telah menetapkan lima objektif dalam melahirkan guru yang berkualiti dan mencapai matlamat, iaitu menguasai kemahiran pengajaran dan pembelajaran; merancang pengajaran; merancang aktiviti; melaksanakan aktiviti; menilai keberkesanan pelaksanaan. Ini adalah selari dengan matlamat KPM, iaitu melahirkan guru yang berkualiti dari segi pengetahuan, kemahiran, keterampilan dan bersungguh-

sungguh malah mempunyai ciri-ciri peribadi bersikap, semangat, berdaya tahan dan ikhlas menjalankan tugas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001).

Di negara-negara maju, khususnya Amerika Syarikat menyaksikan peningkatan mendadak penggunaan aktiviti luar sebagai media pendidikan, rekreasi dan program pembangunan sumber manusia (Neill, 2007, ; Sugerman & Riola, 199, ; Sugerman, 2003). Pada dasarnya, Pendidikan Luar mempunyai tiga fokus utama iaitu perkembangan personal dan sosial, pendidikan cabaran dan pendidikan persekitaran yang bakal mempromosikan perkembangan holistik individu menerusi domain pembelajaran kognitif, afektif dan psikomotor (Priest, 2004).

Pelbagai cabang bidang menerusi Pendidikan Luar membolehkan bidang ini menjadi sandaran kepada masyarakat dalam mengubah kualiti diri bagi meningkatkan prestasi kerja dan kehidupan. Pendidikan Luar sudah diperakui dan diterima oleh masyarakat sebagai satu pendekatan mendidik, memulih, menyuntik semangat, pembentukan kerja sepasukan dan pelbagai lagi tujuan yang berjaya dicapai melalui programnya yang terancang dan diuruskan secara professional (Neill, 2004).

1.1 Latar Belakang Kajian

Program Pendidikan Luar merupakan salah satu fungsi pembangunan dan pengurusan sumber manusia yang sangat penting pada masa kini (DeSimone, 2006). Seringkali ditakrifkan sebagai proses pembelajaran terancang bertujuan meningkatkan kemampuan peserta menyelesaikan masalah semasa yang wujud, membangunkan kecekapan peserta dan membangunkan daya saing organisasi pada masa mendatang (DeSimone, 2006 & Ibrahim, 2001). Oleh yang demikian, program Pendidikan Luar telah dijadikan salah satu medium yang terbaik untuk memupuk manusia memperoleh pengetahuan, kemahiran dan membentuk sikap. Pengetahuan, sikap dan kemahiran terhadap kepimpinan, kerjasama kumpulan, komunikasi, pengurusan dan meningkatkan kreativiti dalam penyelesaian masalah juga dapat dipupuk melalui Pendidikan Luar.

Kebanyakan rangka program Pendidikan Luar yang direka adalah untuk mewujudkan jangkaan pembelajaran yang realistik bagi membolehkan peserta berasa selesa menghadiri program dan menambah baik pengetahuan, sikap dan kemahiran peserta (Goldstein & Ford 2002; Nijman, 2004 & Tai, 2006). Dengan harapan bahawa program Pendidikan Luar dapat mengubah pengetahuan, sikap, kemahiran dan berkebolehan tinggi dalam menghadapi cabaran di masa hadapan (Campbell & Kuncel, 2001).

Pendidikan Luar memberi impak besar kepada pelajar dalam memantapkan semangat kerjasama, kepimpinan, komunikasi, pengurusan dan kesetiaan sesama insan. Selain itu, program Pendidikan Luar telah dijadikan subjek akademik kepada pelajar yang mengikuti program ijazah bagi setiap universiti awan di Malaysia. Universiti Putra Malaysia di bawah Fakulti Pengajian Pendidikan juga telah menawarkan Pendidikan Luar kepada pelajar Bachelor Pendidikan, Pendidikan Jasmani yang bertujuan membimbing dan membentuk golongan guru yang berwibawa dan mempunyai sifat sahsiah yang tinggi sebelum mereka memulakan kehidupan sebagai seorang guru di sekolah. Ini dapat merealisasikan hasrat Bahagian Pendidikan Guru (BPG) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menghasilkan guru yang berkualiti

dan cemerlang dengan menitikberatkan usaha penguasaan pengetahuan, sikap dan kemahiran pedegogi serta nilai – nilai keguruan yang tinggi (Abu Bakar Bachik, 2002).

Kebanyakan program Pendidikan Luar yang dianjurkan adalah melalui penelitian dan memerlukan satu proses jangka masa yang panjang dalam merancang perjalanan bagi setiap program. Perancangan yang teliti ini bakal menghasilkan satu kesan dan pengalaman yang amat berguna kepada peserta (Neill, 2003). Beberapa kajian yang lepas telah membuktikan setiap program Pendidikan Luar yang dijalankan tidak mempunyai hasil kajian yang sama iaitu positif atau negatif dalam menilai kepuasan dan pembelajaran yang diperoleh (Preist, 2001). Setiap program tersebut bergantung kepada perancangan yang dilakukan dengan mengambil kira segala faktor yang terdapat dalam perancangan program Pendidikan Luar seperti masa, kewangan, pengurusan, persekitaran, fizikal peserta, aktiviti dan penerapan matlamat dan objektif program yang ingin di sampaikan.

Bagi program Pendidikan Luar yang di anjurkan di UPM bagi kumpulan pelajar PPGSR adalah berbeza kerana program ini wujud secara *ad hoc* dan memerlukan jangkamasa yang pendek dalam merancang dan menjalankan program ini, namun beberapa hasil pembelajaran yang dijangka melalui program ini seperti menyelesaikan masalah dan pemilihan kaedah penyelesaian masalah yang sesuai, mengadaptasi kemahiran semasa melakukan aktiviti luar, menunjukkan nilai-nilai murni dan nilai kepemimpinan semasa melakukan aktiviti dan memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua pasukan dan anggota yang lain juga telah ditetapkan.

Segala usaha yang dibuat dalam memastikan program Pendidikan Luar bagi kumpulan pelajar PPGSR ini mencapai matlamat dan objektif adalah dengan memerlukan penilaian sebagai satu kaedah untuk mengesan dan mendapatkan maklum balas sejauh mana objektif dan program dirancang berjaya atau proses pelaksanaannya berjalan lancar. Penilaian program penting kerana menurut Weiss (1998), di antara tujuan penilaian adalah untuk mengesan keberkesanan sesuatu program, mengetahui sejauh mana objektif dan matlamat dapat dicapai serta untuk melihat kekuatan dan kelemahan program bagi penambahbaikan. Ini juga disokong oleh Trochim (2004), menyatakan penilaian juga merupakan satu kaedah bagi meninjau kelemahan, kekuatan dan kesan terhadap program bertujuan untuk mendapatkan maklum balas bagi memperbaiki dan memperkembangkan aktiviti-aktiviti pada program yang seterusnya.

1.2 Pernyataan Masalah

Pelaksanaan Pendidikan Luar telah banyak menimbulkan reaksi masyarakat terhadap keberkesanan dan faktor perubahan dalam memupuk peserta ke arah yang lebih baik dan cemerlang (Bunting, 2006). Pelbagai andaian dan tanggapan timbul tentang kesan dan faedah yang diperoleh daripada Pendidikan Luar. Persepsi negatif yang sering diperkatakan oleh masyarakat terhadap Pendidikan Luar adalah merupakan aktiviti yang menyeronokkan tanpa memberi faedah kepada peserta dan boleh mendatangkan risiko yang tinggi kepada peserta (Mahamad Amran Kamsi, 2008). Persepsi negatif masyarakat terhadap Pendidikan Luar dapat disangkal dengan terbuktinya Pendidikan Luar mampu mempengaruhi peserta dalam menggunakan segala pengetahuan, kemahiran, sikap dan pengalaman semasa mereka menempuhi cabaran di masa hadapan (Tannenbaum & Yukl, 1992).

Kebanyakan penyelidik dalam kajian Pendidikan Luar menggunakan reaksi peserta program dalam mengukur keberkesanan dan kejayaan terhadap pembelajaran yang diperoleh dalam sesuatu program. Segala maklumat dan pembelajaran yang diperoleh amat bergantung kepada jumlah masa yang digunakan dalam menjalankan program (Axtell & Maitlis, 1997). Beberapa kajian yang lepas juga berpendapat bahawa keberkesanan terhadap pembelajaran yang diperoleh oleh peserta banyak bergantung kepada masa, modul dan juga penggunaan aktiviti yang tepat kepada mereka (Neill, 2003).

Soroton literatur mengesahkan bahawa ke semua penyelidik Pendidikan Luar sepakat menegaskan bahawa faktor seperti kandungan aktiviti, kaedah pembelajaran, fasilitator dan faedah aktiviti adalah faktor utama yang menentukan keberkesanan program (Priest & Gass, 1997). Pengolahan terhadap pelaksanaan program bakal memberi impak yang berbeza bagi setiap program yang dijalankan. Selain itu, program yang dijalankan adakah boleh memenuhi kehendak dan mampu memberi kesan dalam membentuk personaliti pelajar yang unggul setelah mereka menamatkan program. Soroton literatur menunjukkan bahawa penilaian terhadap program berbentuk latihan yang berkesan adalah melalui kandungan modul yang mencapai objektif program dan kompetensi fasilitator mestilah tinggi dan mampu menyampaikan dengan berkesan (Weiss, 1998).

Isu yang hendak dibangkitkan dalam kajian ini ialah adakah kandungan program, kaedah pembelajaran, fasilitator dan faedah aktiviti Pendidikan Luar di UPM memberi kesan kepada pengetahuan, sikap dan kemahiran semasa program dijalankan. Jenis penilaian yang bersesuaian ialah, penilaian tahap reaksi pelajar terhadap program dan penilaian kesan sebelum dan selepas program dijalankan. Model penilaian Kirkpatrick 1994, dipilih dalam kajian ini kerana ciri-ciri model tersebut yang menepati objektif kajian.

Oleh itu, penyelidikan ini dijalankan bertujuan menilai reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar dan menilai sejauh mana perubahan terhadap pengetahuan, sikap dan kemahiran sebelum dan selepas program. Selain itu, kajian ini juga menentukan hubungan antara tahap reaksi pelajar terhadap program dengan pengetahuan, sikap dan kemahiran pelajar. Fokus kajian adalah terhadap kesan pelaksanaan program Pendidikan Luar yang melibatkan pelajar PPGSR di Univesiti Putra Malaysia.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui tahap reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar yang dijalankan.
- ii. Mengetahui tahap pengetahuan, sikap dan kemahiran pelajar sebelum dan selepas program Pendidikan Luar.
- iii. Menentukan hubungan di antara tahap reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar dengan pengetahuan, sikap dan kemahiran selepas program.
- iv. Mengetahui perbezaan pengetahuan, sikap dan kemahiran pelajar sebelum dan selepas program Pendidikan Luar.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan penyataan masalah dan objektif kajian, berikut adalah persoalan kajian dalam kajian ini.

- i. Apakah tahap reaksi pelajar (kandungan program, kaedah pembelajaran, keberkesanan fasilitator dan faedah aktiviti) terhadap program Pendidikan Luar?;
- ii. Apakah tahap pengetahuan pelajar (kepimpinan, kerjasama kumpulan dan pengurusan) sebelum dan selepas program Pendidikan Luar?;
- iii. Apakah tahap sikap pelajar (kepimpinan, kerjasama kumpulan, komunikasi dan pengurusan) sebelum dan selepas program Pendidikan Luar?;
- iv. Apakah tahap kemahiran pelajar (kepimpinan, kerjasama kumpulan, komunikasi dan pengurusan) sebelum dan selepas program Pendidikan Luar?;
- v. Adakah terdapat hubungan signifikan antara tahap reaksi pelajar terhadap program Pendidikan Luar dengan pengetahuan, sikap dan kemahiran?.
- vi. Adakah terdapat perbezaan yang berlaku terhadap pengetahuan, sikap dan kemahiran sebelum dan selepas program Pendidikan Luar?.

1.5 Kepentingan Kajian

Keberkesanan sesuatu program banyak bergantung kepada proses penyampaian yang melibatkan pengendali program sebagai teraju utama (Trochim, 2004). Kejayaan dan kegagalan sesuatu program hanya dapat ditentukan setelah kekuatan dan kelemahannya dapat dikesan melalui satu penilaian. Oleh yang demikian, penilaian program penting kerana dapat memberi gambaran menyeluruh tentang pelaksanaan program melalui kesan kekuatan dan kelemahannya serta tindakan yang perlu diambil untuk memperbaikinya (Jamil, 2002).

Guru adalah pelaksana dasar, perancang, pengurus, pengendali dan orang yang bertanggungjawab dalam segala aktiviti di sekolah. *The end user* yang merupakan pihak yang berkepentingan utama dalam sistem pendidikan adalah para pelajar. Oleh itu, tidak dinafikan hak seseorang pelajar untuk mendapatkan guru yang efisien, berkualiti dan mampu membimbing mereka untuk mendapatkan ilmu (Abu Bakar Bachik, 2002). Guru yang berkualiti terhasil daripada program yang berkualiti dengan itu penilaian program merupakan kaedah terbaik untuk mengukur kualiti sesuatu program (Weiss, 1998).

Hasil dapatan kajian ini, diharapkan dapat menjadi bahan rujukan bagi menentukan hala tuju program, menambah baik dan memberi nilai tambah kepada program yang sedia ada kepada semua pihak yang berkepentingan termasuklah tenaga pengajar, pengurusan jabatan, pengurusan fakulti dan pengurusan Universiti Putra Malaysia. Bahkan juga dapat dijadikan rujukan kepada semua organisasi yang terlibat dengan program latihan Pendidikan Luar di Malaysia.

Disamping itu, hasil kajian adalah sangat berguna dalam menilai dan memperbaiki kelemahan. Sesuatu tindakan yang drastik perlu dibuat serta merta bagi memastikan objektif dan hasil program yang diharapkan berjaya dicapai. Dapatan kajian mengenai perubahan dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap sebelum dan selepas pelajar menamatkan program merupakan aset yang bernilai. Dapatan ini boleh diketengahkan sebagai satu strategi pemasaran bagi mempromosi program Pendidikan Luar sebagai satu pendekatan pembelajaran yang sangat berfaedah untuk diterapkan dalam pelbagai subjek dan program pendidikan yang lain.

Selain itu, dapatan kajian adalah sangat penting sebagai satu pengesahan terhadap dapatan kajian sebelumnya yang membuktikan bahawa keberkesanan sesuatu program Pendidikan Luar banyak bergantung kepada pengolahan kandungan dan kaedah mengendalikannya (Neill, 2002). Melalui hasil kajian ini juga diharapkan penekanan terhadap modul aktiviti akan diubah suai untuk membantu pelajar supaya memperolehi pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan perubahan sikap dengan lebih baik.

Akhir sekali, pihak berkepentingan seperti pengendali atau pengelola, Jabatan Pengajian Pendidikan, Fakulti Pengajian Pendidikan dan Universiti Putra Malaysia dapat menggunakan hasil kajian bagi melaksanakan program Pendidikan Luar yang lebih intervensi dalam memantapkan modul pengajaran. Hal yang demikian dapat mengelakkan sebarang pembaziran dari segi perbelanjaan, masa dan tenaga dalam merealisasikan hasrat fakulti dan jabatan.

1.6 Batasan Kajian

Kumpulan sasaran kajian adalah terdiri daripada guru-guru yang mengambil pengkhususan (minor/major) Pendidikan Jasmani sahaja yang ditawarkan dalam Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah. Oleh itu, dapatan kajian ini hanya boleh digeneralisasikan ke atas pelajar PPGSR pengkhususan (minor/major) Pendidikan Jasmani sahaja.

Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar PPGSR sepenuh masa pengkhususan minor dan major Pendidikan Jasmani di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang menawarkan kursus Pendidikan Luar pada sesi pengajian ambilan Pertama dan Kedua 2012/2013 dan 2013/2014.

Kajian ini menggunakan Model Penilaian Kirkpatrick 1994, dengan menggunakan dua tahap penilaian sahaja digunakan iaitu; tahap reaksi dan tahap pembelajaran kerana maklum balas boleh didapati secara terus setelah mereka tamat dalam kursus ini.

Oleh kerana kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen bagi pengumpulan data, maka dapatan kajian ini bergantung penuh kepada kejujuran responden dalam memberikan penilaian terhadap kepentingan setiap ciri-ciri yang dikaji.

1.7 Definisi Operasional

Berikut adalah beberapa terminologi penting dalam kajian ini;

1.7.1 Penilaian

Dalam kajian ini penilaian membawa maksud mengukur keberkesanan program melalui reaksi pelajar terhadap program dan kesan perubahan terhadap pengetahuan, sikap dan kemahiran sebelum dan selepas program. Model penilaian yang digunakan adalah Model Penilaian Kirkpatrick, 1994 dengan menggunakan dua peringkat iaitu tahap reaksi dan tahap pembelajaran terhadap program untuk menentukan hubungan antara dua peringkat ini.

1.7.2 Reaksi

Reaksi adalah tidak balas seseorang terhadap sesuatu yang dirasakan, dialami, dilihat dan difahami (Solomon, 2006). Reaksi dapat menentukan pendapat dan pandangan individu di antara bersetuju atau tidak, puas hati atau sebaliknya. Dalam konteks kajian ini, reaksi di nilai melalui borang soal selidik terhadap kandungan aktiviti, kaedah pembelajaran, keberkesanan fasilitator dan faedah daripada aktiviti Pendidikan Luar.

1.7.3 Pengetahuan

Pengetahuan merupakan pengumpulan ilmu dan keupayaan berfikir yang melibatkan pembangunan kognitif. Ini merangkumi penjanaaan pemikiran yang terdiri daripada elemen penyelidikan, kreativiti, perkaitan, kebolehan, pengamatan dan pengukuhan (Hoggs, 2006). Pengetahuan dalam Pendidikan Luar melibatkan unsur kemahiran berfikir seperti penyelesaian masalah, pemahaman, penilaian dan kreativiti. Dalam konteks kajian ini, pengetahuan dinilai menggunakan borang soal selidik mengenai pengetahuan terhadap kepimpinan, kerjasama kumpulan dan pengurusan.

1.7.4 Sikap

Menurut Gordan Allpor (2005), sikap adalah mempelajari kecenderungan memberikan tanggapan pada suatu objek baik disenangi mahupun tidak disenangi secara konsisten. Manakala Thomas (2000), merumuskan sikap sebagai predisposisi untuk melakukan atau tidak melakukan suatu perkara dan merumuskannya dengan rumusan yang tertentu. Sikap dalam kajian ini diukur melalui borang soal selidik berdasarkan empat komponen iaitu kepimpinan, komunikasi, kerjasama kumpulan dan pengurusan.

1.7.5 Kemahiran

Kemahiran boleh dijelaskan sebagai reaksi, motor, manual, intelek, sosial dan sebagainya, mengikut konteks atau aspek yang paling penting daripada pola kemahiran (Patrick, 1992). Kemahiran dalam kajian ini diukur melalui borang soal selidik berdasarkan empat komponen iaitu kepimpinan, komunikasi, kerjasama kumpulan dan pengurusan.

1.7.6 Peserta Program

Peserta program Pendidikan Luar adalah para pelajar Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah di Universiti Putra Malaysia yang mengikuti kursus Pendidikan Luar selama satu semester. Pendidikan Luar adalah subjek yang diwajibkan kepada pengkhususan major dan minor Pendidikan Jasmani sahaja. Pendidikan Luar yang dianjurkan adalah berbentuk satu program yang melibatkan sembilan hari program perkhemahan di alam semulajadi.

1.8 Rumusan

Program Pendidikan Luar mempunyai hubungan yang saling berkaitan dengan peningkatan pengetahuan, sikap sendiri dan kemahiran. Oleh yang demikian kandungan aktiviti, kaedah pembelajaran, pengaruh fasilitator dan faedah aktiviti merupakan elemen yang penting dalam meningkatkan pembelajaran pelajar dalam Pendidikan Luar. Hasil pembelajaran dalam Pendidikan Luar boleh memberi impak yang positif atau negatif kepada pelajar bergantung kepada perancangan dan pengendalian sesuatu program Pendidikan Luar. Oleh itu, penilaian terhadap sesuatu program perlu dilakukan bagi memperoleh maklumat daripada pelajar mengenai segala aspek dalam Pendidikan Luar agar hasil pembelajaran yang baik diperoleh.

Oleh yang demikian, kajian ini cuba menjawab enam persoalan kajian yang dikemukakan. Selain itu, ditetapkan juga beberapa batasan kajian yang perlu dipertimbangkan ketika membuat kesimpulan dan perbincangan dapatan kajian ini. Bab seterusnya akan membincangkan tentang teori dan kajian-kajian lampau yang berkaitan dengan Pendidikan Luar.

RUJUKAN

- Ab. Halim Abdul Rahim. (1999). *Pengurusan kokurikulum dan badan beruniform*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Bachik. (2002). *Kata – kata Aluan, Sukatan Pelajaran Bina Insan Guru* (Pendidikan Jasmani), Pengajian Asas. Bahagian Pendidikan Guru, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abu Bakar Nordin. (2000). *Meniti zaman: SITC-MPSI-IPSI-UPSI*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Amy Anak Dustin. (2007). *Program Pendidikan Luar dan Implikasinya terhadap Konsep Kendiri Guru Pelatih*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang.
- Andrew Brookes. (2004). *Outdoor education fatalities in Australia 1960-2002. parts 3*. Environmental circumstances.8 (1), 44-56.
- Arkin, A. (1995). Breathing fresh air into training. *People Management*, 1(15), 34-36.
- Ary, D., Jacobs, L. C. & Sorenson, C. K. (2010). *Introduction to Research Introduction in Education*. 8th ed. Belmont Calif: United Kingdom.
- Attarian, A. (1996). Integrating values clarification into outdoor adventure programs and activities. *Journal of Physical Education, Recreation and Dance*, 67(8), 41-44.
- Azita, A. (2007). *Penilaian pelajar terhadap kompetensi pemimpin program pendidikan luar di Institut Pendidikan Guru Malaysia*. Disertasi Sarjana Doktor falsafah, yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Azizi Yahaya., Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Babbie, E. (2008). *The Practice of Social Research*. Champman University. Wadwath Publishing Company. NY:USA.
- Bansake. (2000). *Bansake's Corporate Wargame*. Unpublished survey.
- Barker, J. (1995). The great outdoors: How to put adventure into your meetings and make it pay off. *Successful Meaning* 44(11): 91-95.
- Beard, C. & Wilson, J. P. (2002). *The power of experiential learning: A handbook for trainers and educators*: London: Kogan Page Limited.
- Beebe, S. A. & Masterson, J. A. (2000). *Communicating in small groups: Principles and practices*. New York: Longman
- Bisson, C. & Luckner, J. (1996). Fun in learning: The pedagogical role of fun in adventure education. *Journal of Experiential Education*, 19(2), 108-112.

- Boyd, B. L., Herring, D. R. & Briers, G. E. (1992). Developing life skills in youth. *Journal of Extension* 30(4).
- Boyes, M. A. (2000). The place of outdoor education in the health and physical education curriculum. *Journal of Physical Education New Zealand*, 33(2), 75-88.
- Bramley, P. (1991). *Evaluating training effectiveness: Translating theory into practice*. London: The Mc-Grew Hill Training Series.
- Brinkerhoff, R. O. (2005). *Achieving result from training*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Brookes, A. (2004). *Thoughts on the conference theme*. Proceedings of the 7th National Outdoor Conference, Monash University, Frankston, Australia.
- Bunting, C. J. (2006). *Interdisciplinary teaching through outdoor education*. Illinois: Human Kinetics.
- Campbell, J. P., & Kuncel, N. R. (2001). *Individual and team training*. Viswesvaran (Eds.), *Handbook of work and organizational psychology* (pp. 278–312). London: Blackwell.
- Cason, D. & Gillis, H. L. (1994). A meta-analysis of outdoors adventure programming with adolescents. *The Journal of Experiential Education*, 17, 40-47.
- Chiaburu, D.S., & Marinova, S.V. (2005). What predicts skill transfer? An exploratory study of goal orientation, training self-efficacy and organization supports. *International Journal of Training and Development*, 9, 110–123.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan statistik Penyelidikan: Asas statistik penyelidikan*. Buku 2. Malaysia: McGraw-Hill.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison K. (2012). *Research Methods in Education* (5th Edition). London: Routledge Falmer.
- Clements, C. & Wagner, R. J. (1995). The ins and outs of experiential training. *Training and Development* 49(2): 52-57.
- Creswell, J. W. (2012), *Research Design*. Sage Publication: London.
- Davidson, L. (2001). Qualitative research and making meaning from adventure: A case study of boy's experience of outdoor education at school. *Journal of Adventure Education and Outdoor Learning*, 1(2), 11-20.
- Davis, G. (2003). Using Retrospective Pre-Post Questionnaires to Determine Program Impact. *Journal of Extension*. Vol. 41(no.4).
- DeSimone, L. (2006) [*Toward a more refined theory of school effects: A study of the relationship between professional community and mathematics teaching in early elementary school*](#). Research and Theory in Educational Administration. Greenwich, CT: Information Age Publishing

- Dhanakumar, V. G., Rossing, B. & Campbell, G. R. (1996). An evaluation of the Wisconsin Rural Leaders Perspective Programme. *Journal of Extension* 34(3).
- Donaldson, G. E. & Donaldson, L. E. (1985). *Outdoor education: A definition*. Journal of Health, Physical Education and Recreation, 29(17),63.
- Draft, R. L. (1997). *Management (4th ed.)*. Teronto: Harcourt Collage Publishers.
- Ewert, A. (1983). Outdoor Adventure and Self-Concept. *A Research Analysis*. Eugene, OR: Centre of Leisure Studies, University of Oregon.
- Fisher, C. D. Schoenfeldt, L. F. & Shaw, J. B. (1999). *Human Resourse Management 4th edition*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Fraenkel, J., Wallen, N. & Hyun, H. H. (2012). *How to design and evaluate research in education (8 th ed.)*. Boston: McGraw Hill
- Francis, D. & Young, D. (1979). *Improving work groups; a practical manual for team building*. San Diego: University Associates, Inc.
- Gair, N. P. (1997). *Outdoor education: Theory and practice*. London: Cassel Publishing.
- Gay, L. R & Arrasian, P. (2000). *Educational Research: Competencies for Analysis and Application*. Edisi ke-6. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- George, D. & Mallery, P. (2003). *SPSS for Windows step by step: A simple guide and reference*. 11.0 update (4th ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Gilbertson, K., Bates, T., McLaughlin, T. & Ewert, A. (2006). *Outdoor Education: Methods and strategies*. Illinois: Human Kinetics.
- Gookin, J. & Leach, S. (2008). *NOLS Leadership Educator Notebook*. Lander, WY: National Outdoor Leadership School
- Goldstein, I. L. & Ford, J. K. (2002). *Training in Organizations*. Belmont, CA: Wadsworth. 4th ed.
- Gordon, A. (2005). Sikap, Motivasi, Dan Konsep Diri Terhadap Perilaku Konsumen.
- Goss, C. B., Wimer, C., & Little, P. M. D., (2008). *Measurement tools for evaluating out-of-school time programs: An evaluation resource*. Dimuat dari <http://www.hfrp.org/publications-resources/publications-series/out-of-school-time-evaluation>
- Graham, J. (2004). *Outdoor Leadership: technique, common sense & self-confident*. The Mountaineers, Seattle: WA.
- Gupta, A. K. & V. Govindarajan. (2000). Knowledge flows within multinational corporations. *Strategic Management Journal*, 21, 473-496.

- Hammerman, D. R., Hammerman, W. M., & Hammerman, E. L. (2001). *Teaching in the outdoor* (5th ed.). Illinois: Intrestate Publishers Inc.
- Holcomb, J. (1998). *Training evaluation made easy: make your training worth every penny*. UK: Kogan Page Limited and USA: Stylus Publishing Inc.
- Ibrahim Mamat (2001). *Pengetua Sekolah Menangani Isu dan Cabaran Kepimpinan*. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Itin, C. M. (1999). Reasserting the philosophy of experiential education as a vehicle for change in the 12th century. *Journal of Experiential Education*, 22(2), 91-98.
- James, T. (1995). Kurt Hahn and the aims of education. Dalam K. Warren, M. Sakofs & J. Hunt (Eds.), *The theory of experiential education* (3rd ed.), Colorado: Kendall/Hunt Publishing Co.
- Jamil Ahmad. (2002). *Pemupukan Budaya Penyelidikan Di Kalangan Guru di Sekolah, Satu Penilaian*. Disertasikan Kedoktoran yang tidak diterbitkan: Universiti Kebangsaan Malaysia: Pusat Sumber Fakulti Pendidikan.
- Johnson, S. D. (2006). *Transfer of learning*. *Technology Teacher* 54: 33-35.
- Joint Committe on Standard for Educational Evaluation (1994). *The Program Evaluation: How to asses evaluation teachers programs*. Edisi kedua, California: Sage Publications.
- Kamsiah Abdullah. (2007). *Benih Budiman: Suatu analisis sosio-sejarah persekolahan melayu di Singapura*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Kauffman, S. A. (2004): "The Ensemble Approach to understand genetic Regulatory Networks" *Physical Education*, 340, pp. 733-740
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1999). *Penubuhan pengurusan pusat kokurikulum*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Sukatan Pelajaran Pengajian Pendidikan Jasmani Major*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kirkpatrick, D. L. (1994). *Evaluating training program*. Wisconsin: American Society for Training and Development, Inc.
- Krejcie & Morgan. (1970). Determining sample size for research activities.30, 607-610.
- Lau Yin Yin, Turiman Suandi, Shamsuddin Ahmad & Bahaman Abu Samah. (2001). *The effectiveness of an outdoor training programme at Banseke human resource development centre*. Kertas yang dibentangkan di Graduate Research Education Conference. Universiti Putra Malaysia.
- Leppain, R. M. (2000). Beyond perception: A pretest and posttest evaluation of a regional internet extension in-service training. *Journal of Extension* 32(2).

- Lewis, D. (1975). *Adverbs of quantification*. Formal Semantics of Natural Language. Cambridge University Press.
- Luckner, J. (1994). Effective skills instruction in outdoor adventure education. *Journal of Physical Education, Recreation, and Dance*, 57-61.
- Lund, M. (2002). *Adventure Education: Some Semantic*. Dipetik pada 08 Jun 2013 daripada <http://www.wilderdom.com/>.
- Lynch, P. (2000). Fitting in and getting on: learning in the school of outdoors. *Children Issues*, 4(2), 32-35.
- Mahamad Amran Kamsi, (2008). Perkembangan Pusat Kokurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mann, S. (1996). What should training evaluation evaluate? *Journal of European Industrial Training* 20 (9).
- Martin, A. J. (2001). *Towards The Next Generation of Experiential Education Programmes: A Case Study of Outward Bound*. Unpublished Doctoral Dissertation, Massey University, New Zealand.
- Martin, B., Cashel, C., Wagstaff, M., & Breunig, M. (2006). *Outdoor leadership: Theory and practice*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- McKenzie, M. D. (2003). Beyond the Outward Bound Process. Rethinking Student Learning. *Journal of Experiential Education* 26(1), 8-23.
- McNamara, C. (1998). Basic Guide to Program Evaluation. Dimuatturun pada 12 April 2013 daripada <http://www.mapnp.org/library/evaluation/fnl-eval.htm>.
- Md Amin, M. T. (2011). *Residential outdoor education camp and environmental attitudes: A case study*. Kertas dibentangkan di 15th Australian National Outdoor Education Conference. Ballarat, Victoria, Melbourne.
- Md Amin, M. T, Azlizam, A. A. & Jaffry, Z. (2011). Kerelevanan pendidikan Luar dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 3(1), 11 -27.
- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naugle, K. A. (2000). *Kirkpatrick's evaluation model as a means of evaluating teacher performance*. *Education* 121 (1): 135-145.
- Neill, J. T. (2002). *Meta-Analytic Research on the outcomes of Outdoor education*. Paper presented to the 6th Biennial Coalition for Outdoors Research Symposium, Bradford Woods, Indiana, US.
- Neill, J. T. (2003). *Historical timeline of outdoor education*. Dimuatturun pada 12 April 2013 daripada <http://www.wilderdom.com/history/HistoryTimeline.html>.

- Neill, J. T. (2004). *What is outdoor education definition?*. Dipetik pada 13 Jun 2013 daripada <http://www.wilderdom.com/definition>.
- Nijman, D. J. J. M. (2004). *Supervisory support and transfer of training: Anexplorative case study*. Conference Proceedings (Vol. 1, pp. 358-365). Bowling Green, OH: AHRD.
- Othman Mohamad. (2001). *Penulisan tesis dalam bidang Sains Sosial terapan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Outward Bound Malaysia. (2008). *History of Outward Bound Malaysia, Lumut*. Dimuatturun pada 23 Jun 2013, daripada <http://outwardbound.my/about/history.html>.
- Paten, M. (2000). Refine communication skills and realize increased business success. *Capital District Business Review* 27(7), 29-31.
- Patrick, J. (1992). *Training: Research and practice*. London: Academic Press Limited.
- Paxton, T. & McAvoy, L. (2000). *Social psychological benefits of wilderness adventure program*. Kertas yang dibentangkan di USDA Forest Service Proceedings, United States of America.
- Priest, S. & Gass, M. A. (1997). *Effective leadership in adventure programming*. Illinois: Human Kinetics.
- Priest, S. (1999). Redefining outdoor education: A matter of many relationship. *Journal of Environmental Education*, 17(3), 13-15.
- Priest, S. (2004). Outdoor leadership competencies. *Adventure Programming*. (pp 237-239). State Collage, PA: Venture Publishing.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1995). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Reiner, C. & Morris, H. (1997). Leadership development. *Training and Development Handbook* 519-536.
- Richards, A. (1990). *Kurt Hahn*. In J. Miles & S. Priest (Eds.) *Adventure Education*. State Collage, PA: Venture Publishing.
- Rouiller, J. I., & Goldstein, I. L. (1993). *The relationship between organizational transfer climate & positive transfer of training*. *Human Resource Delopment Quarterly*, 4(4), 377-390.
- Schumann, S. & Millard, N. (2012). *The Nature of Feedback in Adventure-Based Education*. Paper presented at the 2012 Outdoor Leadership Research Symposium. Estes Park, CO. Conference Paper, Refereed, Presented, 02/13/2012

- Scott, S., Karen V. G. & John, T. (2009). "Reexamining Age Patterns in Depression in Two Representative U.S. Surveys." *Journal of Health and Social Behavior* 42:80-91
- Sidek Mohd Noah. (2012). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Solomon, M., (2006). *Consumer Behaviour A European Perspective*. 3rd edition. Pearson Education Limited
- Sugerman, D. (2003). Motivation in older adults participation in Outdoor Education Adventure Program. *Journal of Experiential Education*.
- Tai, W.-T. (2006). *Effects of training framing, general self-efficacy and training motivation on trainees' training effectiveness*. *Personnel Review*, 35(1), 51-65.
- Tannenbaum, S. & Yulk, G. (1992). Training and development in work organizations. *Annual Review of Psychology* 53: 399-441.
- Thomas, G. & Thomas, J. (2000). Moving water paddling as critical outdoor education. *Australian Journal of Outdoor Education*, 5(1), 47-54.
- Thorne, K. & Smith, M. (2000). Competitive advantage in world class organizations. *Management Accounting: Magazine for Chartered Management Accountants* 78(3): 22-26.
- Torres, C. & Fairbanks, D. M. (1996). *Teambuilding: The ASTD trainer's sourcebook*. New York: McGraw-Hill Companies.
- Trochim, W. M. K. (2004). *Introduction to Evaluation*. Dipetik pada 14 Jun 2013 daripada <http://trochim.human.cornell.edu/kb/interval.htm>.
- Wagner, H. (1999): *The Psychobiology of Human Motivation*, Routledge, London
- Weiss, C. H. (1998). *Evaluation (Second Edition)*. Prentice-Hall, New Jersey, USA.
- Wiersma, W. (2000). *Research methods in education: an introduction (5th ed.)*. Boston: The University of Toledo.
- Wilderness Malaysia. (2008). *About Wilderness Centre Sdn. Bhd.* Dimuatturun pada 23 Julai 2013, daripada <http://www.wildernessmalaysia.com>.
- Yong, Alex K. B. (2000). *Malaysia human resource management*. Kuala Lumpur: Malaysia Institute of Management.
- Zink, R. (2003). Abseiling at five, rafting at ten, what do we do with them when they are 15? *New Zealand Journal of Outdoor Education*, 1(2), 56-62.